

## PROGRAM GERAN KREATIF KUALA LUMPUR

### GAMBARAN KESELURUHAN

Permohonan Dibuka	Permohonan Ditutup	Makluman Status Permohonan	Bengkel Penerima Geran
8 Julai 2025	24 Ogos 2025	1 Oktober 2025	1 minggu selepas makluman

#### **1. Meremajakan Pusat Bandar Kuala Lumpur bersama Warisan KL**

Warisan KL ialah sebuah program peremajaan bandar berasaskan budaya yang mengukuhkan identiti Kuala Lumpur melalui warisan, budaya dan komuniti. Dengan tumpuan terhadap usaha mengaktifkan kawasan bersejarah yang utama di kota Kuala Lumpur, program ini menghubungkan masyarakat dengan tempat melalui kaedah yang bermakna dan terangkum.

Pusat Bandar Kuala Lumpur yang merupakan nadi kepada sejarah dan budaya kota ini adalah penting bagi proses perubahan ini. Pada hari ini, pelbagai ruang di kota ini sedang dibayangkan semula sebagai sebuah daerah yang berpaksikan masyarakat menerusi kekayaan alam bina warisan dan kepelbagaiannya watak kotanya.

Sebagai susulan kepada Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur (KLCCD)<sup>1</sup>—yang dibangunkan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan sokongan Jabatan Warisan Negara dan Yayasan Hasanah—Warisan KL selaras dengan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 dan Pelan Tindakan Strategik Warisan KL.

Inisiatif Warisan KL mengambil pendekatan berdasarkan presint dengan meneliti keperluan setiap kawasan secara terperinci. Pendekatan ini menyokong budaya tempatan, perusahaan kecil dan memupuk rasa kebersamaan sesama masyarakat.

#### **2. Apakah itu Program Geran Kreatif Kuala Lumpur?**

Program Geran Kreatif Kuala Lumpur (Kreatif KL) pertama kali dilaksanakan pada tahun 2020 untuk meremajakan pusat bandar bersejarah Kuala Lumpur, sekaligus menjadikan kawasan ini sebagai sebuah hab kreatif yang rancak dan berdaya huni. Dengan memperkasakan komuniti dan menawarkan peluang untuk peremajaan bandar yang kreatif dan menyuntik ekonomi, program ini terus berusaha untuk menjadikan Pusat Bandar Kuala Lumpur berdaya tahan dari aspek sosial maupun alam semula jadi.

<sup>1</sup> Sebuah visi strategik untuk meremajakan Kuala Lumpur sebagai hab kreatif dan kebudayaan yang utama:  
<https://thinkcityinstitute.org/KLCCD-Strategic-Masterplan-BM/>



Program ini berhasrat untuk menarik ramai bakat dan peniaga ke Pusat Bandar Kuala Lumpur dengan menyediakan pelbagai ruang yang sesuai dengan keadaan dan peruntukan perundungan semasa. Kualiti sesebuah tempat bukan sahaja penting dalam mengekalkan bakat, ia juga memainkan peranan penting dalam menarik pelabur dan memajukan matlamat Warisan KL sebagai daerah kreatif dan kebudayaan. Sehingga kini, program ini telah menyokong seramai 89 penerima geran dengan anggaran jumlah keseluruhan sebanyak RM6.9 juta. Ia berjaya meraih pelaburan bersama pada kadar 1:7.2. Para penerima geran ini memberi tumpuan di kawasan seperti Presint Sivik, Jalan Petaling dan Segitiga Warisan.

Memandangkan sudah terdapat pelbagai usaha peremajaan dan pelaburan awam, kami amat menghargai sokongan berterusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Think City tekad dalam memacu Program Geran Kreatif KL dengan sokongan Belanjawan 2025 untuk terus memajukan matlamat Warisan KL.

### **3. Apakah objektif Program Geran Kreatif KL?**

Objektif program ini adalah untuk:

- Mengukuhkan jaringan hab kreatif dan kebudayaan dengan menyokong perniagaan-perniagaan baharu, inkubasi dan pusat-pusat ilmu pengetahuan;
- Mengoptimumkan aset bersejarah di samping menaikkan seri Pusat Bandar Kuala Lumpur.
- Menambah baik daya tahan alam sekitar dengan melaksanakan usaha penyesuaian iklim berasaskan alam semula jadi;
- Mewujudkan ruang yang berdaya huni dan rancak bagi menggalakkan kehadiran semula penduduk dan memastikan daya tahan komuniti; dan
- Menggalakkan usaha pemerkasaan dan memupuk kerjasama awam-swasta-masyarakat untuk peremajaan bandar yang lebih mampan.

### **4. Siapakah yang boleh memohon dana Program Geran Kreatif KL?**

Program geran ini terbuka kepada individu, kolektif, pertubuhan atau perusahaan berasaskan komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan\* yang memiliki idea untuk merancakkan lagi pengalaman pengunjung, menambahkan hasil ekonomi dan menyumbang kepada usaha peremajaan Pusat Bandar Kuala Lumpur secara keseluruhan.

Pemohon utama adalah pihak untuk dihubungi sepanjang proses permohonan.

\*Pertubuhan berdaftar dengan Pejabat-pejabat Pendaftar Syarikat, Organisasi dan Perniagaan dialu-alukan untuk memohon.



## **5. Apakah yang disokong oleh Program Geran Kreatif KL?**

Program Geran Kreatif KL menawarkan dana perbelanjaan langsung, dengan julat sokongan dari RM30,000.00 hingga RM150,000.00 bagi setiap permohonan. Ambil maklum bahawa program ini:


- mengutamakan projek yang mempunyai pelaburan bersama pada kadar 1:1;
- mengutamakan projek yang berimpak tinggi;
- menyokong projek yang terbuka kepada semua kelompok masyarakat, menarik pengguna dan pengunjung baharu, memperkenalkan kandungan yang berkualiti tinggi, dan mempelbagaikan kegunaan ruang dalam kawasan tumpuan; dan
- mengutamakan projek yang boleh siap sepenuhnya menjelang 30 Jun 2026\*.

\*Sebarang permohonan lanjutan tempoh projek selepas tarikh ini perlu dihantar secara bertulis kepada Think City sebelum 1 Mei 2026.

## **6. Di manakah kawasan tumpuan Program Geran Kreatif KL?**

Inisiatif naungan Warisan KL ini tertumpu di kawasan teras warisan Pusat Bandar Kuala Lumpur, dalam lingkungan beberapa buah presint yang disebutkan dalam Pelan Induk Strategik KLCCD. Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, Program Geran Kreatif KL telah menyusun semula semua presint tersebut kepada empat buah kawasan tumpuan berdasarkan tema bagi mewujudkan sebuah kerangka sokongan yang lebih tertumpu.





**Tema Kawasan Tumpuan:**

**1. Teras Warisan dan Sivik**

Mercu tanda: Dataran Merdeka, Muzium Negara, Bank Negara, Brickfields

**2. Kawasan Fesyen dan Tekstil**

Mercu tanda: Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India, The Row

**3. Kuadran Perdagangan Kebudayaan dan Warisan**

Mercu tanda: St. John's Institution, Jalan Tun HS Lee, Central Market, Jalan Petaling

**4. Koridor Hijau Pusat Bandar**

Mercu tanda: Taman Botani Perdana, Taman Tugu, Taman Eko Rimba KL

**7. Apakah cabaran Pusat Bandar Kuala Lumpur?**

Bangunan Usang	Cuaca Kurang Selesa	Ruang Awam Kurang Memuaskan	Aspek Keselamatan Kurang Memuaskan
Tahap Ketersambungan Rendah	Masalah Gelandangan	Kekurangan Perniagaan Waktu Malam	Perdagangan Barang Warisan dan Tradisi Menurun
Kurang Tawaran Pengalaman Kepada Pengunjung Berkualiti Tinggi	Perniagaan Kreatif Kurang Disokong	Kurang Kandungan Berasaskan Pengetahuan dan Hab Inkubasi	Penurunan Jumlah Penduduk



**8. Bagaimanakah dana Program Geran Kreatif KL boleh menyokong projek anda dalam meremajakan Pusat Bandar KL?**

Program Geran Kreatif KL menyokong projek yang sesuai dengan kawasan tumpuan berdasarkan tema seperti berikut:

**8.1 TERAS WARISAN DAN SIVIK**

Mengaktifkan teras warisan dan sivik Kuala Lumpur sebagai sebuah laluan budaya dengan menghasilkan kandungan dan program berpaksikan komuniti yang meraikan warisan budaya dan alam bina, mengukuhkan identiti kebangsaan dan memperkuatkan hubungan antara pelbagai institusi di kawasan tumpuan.

Tema ini mengalu-alukan projek yang menghubungkan masyarakat dengan ruang awam, mercu tanda, pelbagai institusi di pusat bandar Kuala Lumpur.

**Kategori Projek:**

- **Pengaktifan dan/atau Kandungan Komuniti:** Membangunkan kandungan berkualiti tinggi seperti pameran dan persembahan multimedia yang boleh meningkatkan lagi pengalaman dalam aspek Warisan dan Teras Sivik.
- **Pengaturcaraan:** Menyusun program pendidikan dan kebudayaan jangka panjang yang mampu mengukuhkan kerjasama awam-swasta-masyarakat dan ekuiti sosial dalam hab institusi utama.

Sila pastikan permohonan anda:

- Mengemukakan bukti dan/atau pelan libat urus bersama pemegang taruh yang sesuai, seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Aset Keretapi atau Jabatan Warisan Negara.
- Menyertakan senarai rakan usaha sama dengan menghuraikan peranan setiap ahli dan mengemukakan surat penyata hasrat sekiranya perlu; dan
- Menghormati nilai sejarah, sivik, dan kebudayaan kawasan Teras Warisan dan Sivik selaras dengan kerja pemuliharaan dan kerangka kerja pihak berkuasa tempatan.



## 8.2 KAWASAN FESYEN DAN TEKSTIL

Menyokong usaha peremajaan daerah fesyen dan tekstil yang organik di Pusat Bandar Kuala Lumpur dengan mengisi kelompongan dalam aspek perniagaan, mengukuhkan ekosistem tradisional dan kreatif sedia ada, dan menambah baik pengalaman pengunjung.

Tema ini memberi tumpuan terhadap upaya praktikal yang mampu mengukuhkan ekonomi, nilai warisan dan identiti kebudayaan kawasan tersebut.

### **Kategori Projek:**

- **Pembentahan dan/atau Peluasan Perniagaan:** Menyokong bidang perniagaan yang mengedepankan ekosistem tradisional<sup>2</sup> dan kreatif<sup>3</sup> di kawasan setempat, sekaligus menambahkan bilangan pengunjung dan tahap penglibatan di kawasan tersebut.
- **Peremajaan Ruang:** Menyokong usaha pemuliharaan bangunan bersejarah, kerja menukar guna bangunan, dan sebarang usaha untuk menambah baik keselesaan pejalan kaki dan pengalaman secara keseluruhan.
- **Pengaktifan dan/atau Kandungan Komuniti:** Menghasilkan kandungan yang berkualiti tinggi dan mendorong penglibatan orang awam, seperti pameran, festival, dan persembahan seni bagi merancakkan lagi pengalaman pengunjung di Daerah Fesyen dan Tekstil.
- **Pengaturcaraan:** Menyusun acara promosi dan kebudayaan jangka panjang yang menggalakkan kerjasama awam-swasta-masyarakat, menambah baik bentuk penceritaan berdasarkan tempat, dan menggalakkan penglibatan berterusan pemegang taruh tempatan.

Sila pastikan permohonan anda:

- Mengemukakan bukti dan/atau pelan libat urus bersama pemegang taruh tempatan, seperti persatuan peniaga, penjaja dan kolektif.
- Mempunyai pelan pelaksanaan yang kukuh dan unjuran kewangan untuk tiga tahun;
- Menyertakan senarai rakan usaha sama berserta peranan setiap ahli dan menyertakan surat penyata hasrat sekiranya perlu; dan

<sup>2</sup> Menurut sebuah kajian pada 2016 oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), perniagaan warisan dan tradisional boleh diuraikan sebagai perniagaan yang telah beroperasi sekurang-kurangnya 25 tahun yang mewarisi dan/atau memperkenalkan ciri-ciri khas kebudayaan (cth; melibatkan kraf tradisional dan kebudayaan).

<sup>3</sup> Dalam konteks Malaysia, DIKN (2009, p.i.) menjelaskan industri kreatif dan kebudayaan dipecahkan kepada tiga kategori utama, dengan tumpuan utama kepada digital/multimedia dari permulaannya:

o Multimedia: filem dan TV, pengiklanan, rekaan, animasi dan kandungan digital;  
o Budaya dan kesenian: kraf, seni rupa, muzik, seni persembahan, penulisan kreatif, fesyen dan tekstil; dan  
o Warisan budaya: muzium, arkib pemuliharaan dan pemeliharaan.



- Menghormati nilai sejarah, ekonomi dan kebudayaan Kawasan Fesyen dan Tekstil dan selaras dengan kerja pemuliharaan dan kerangka kerja pihak berkuasa tempatan.

### **8.3 KUADRAN PERDAGANGAN KEBUDAYAAN DAN WARISAN**

Menyokong usaha peremajaan Kuadran Perdagangan Warisan dan Kebudayaan menerusi pendekatan yang menggabungkan usaha penambahbaikan alam bina, perniagaan dan kandungan, serta pengaturcaraan berteraskan komuniti.

Tema ini menyokong kelestarian perniagaan tradisional dan menggalakkan usaha pemanfaatan ruang secara bersama melalui kaedah-kaedah praktikal yang mampu merancakkan lagi pengalaman pengunjung, menguatkan daya tahan budaya dan menggalakkan perniagaan dan bakat baharu.

#### **Kategori Projek**

- **Pembentahan dan/atau Peluasan Perniagaan:** Menyokong bidang perniagaan baharu dan sedia ada yang mampu merancakkan jumlah dan penglibatan pengunjung.
- **Peremajaan Ruang:** Menyokong usaha pemuliharaan bangunan bersejarah, kerja menukar guna bangunan, dan sebarang usaha untuk menambah baik keselesaan pejalan kaki dan pengalaman pengunjung secara keseluruhan.
- **Pengaktifan dan/atau Kandungan Komuniti:** Menghasilkan kandungan yang berkualiti tinggi dan mendorong penglibatan orang awam, seperti pameran, festival, dan persembahan seni bagi merancakkan lagi pengalaman pengunjung di daerah ini.
- **Pengaturcaraan:** Menyusun acara promosi dan kebudayaan jangka panjang yang menggalakkan kerjasama awam-swasta-masyarakat, menambah baik bentuk penceritaan berdasarkan tempat, dan menggalakkan penglibatan berterusan pemegang taruh.

Sila pastikan permohonan anda:

- Mengemukakan bukti dan/atau pelan libat urus bersama pemegang taruh, seperti persatuan peniaga, penjaja dan kolektif komuniti;
- Mempunyai pelan pelaksanaan yang kukuh dan unjuran kewangan untuk tiga tahun;
- Menyertakan senarai rakan usaha sama berserta peranan setiap ahli dan mengemukakan surat penyata hasrat sekiranya perlu; dan
- Menghormati nilai sejarah dan kebudayaan Kuadran Kebudayaan dan Warisan dan selaras dengan kerja pemuliharaan dan kerangka kerja pihak berkuasa tempatan.



#### **8.4 KORIDOR HIJAU PUSAT BANDAR**

Menyokong usaha pengukuhan jaringan penghubung hijau di Pusat Bandar Kuala Lumpur menerusi pendekatan bersepadu yang menggalakkan daya kepemimpinan dalam kalangan komuniti dan penyesuaian iklim berasaskan alam semula jadi menerusi kaedah pengaktifan, pengaturcaraan dan usaha penghijauan yang taktikal.

Tema ini memberi tumpuan kepada kaedah-kaedah penyelesaian yang berasaskan alam semula jadi dan berpandukan keadaan setempat, serta menggalakkan penglibatan masyarakat bagi menambah baik aspek ketersambungan, kebolehgunaan dan nilai ekologi koridor hijau ini.

##### **Kategori Projek:**

- **Pengaktifan dan/atau Kandungan Komuniti:** Menghasilkan kandungan yang berkualiti tinggi dan mendorong penglibatan orang awam, seperti pameran, festival, dan persembahan seni bagi merancakkan lagi pengalaman dan penglibatan pengunjung di koridor hijau.
- **Pengaturcaraan:** Menyusun program penglibatan dan pendidikan jangka panjang yang memupuk kerjasama awam-swasta-masyarakat serta penglibatan aktif masyarakat di kawasan ini.
- **Peremajaan Ruang:** Menyokong usaha urbanisme taktikal dan demonstratif berdasarkan penyelesaian alam semula jadi bagi meningkatkan lagi pengalaman pengunjung.

Sila pastikan permohonan anda:

- Mengemukakan bukti dan/atau pelan libat urus bersama pemegang taruh, seperti pihak berkuasa, pengunjung dan institusi;
- Menyertakan senarai rakan usaha sama berserta peranan setiap ahli dan mengemukakan surat penyata hasrat sekiranya perlu; dan
- Selaras dengan perancangan dan pelaksanaan kerja warisan semasa yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan.

---

*Jadual 8.1.*



## **9. Apakah jenis perbelanjaan yang disokong oleh dana Program Geran Kreatif KL?**

Contoh perbelanjaan yang disokong oleh dana Program Geran Kreatif KL adalah seperti berikut:

<b>PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN</b>	
<b>Kerja mobilisasi dan pelaksanaan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kajian, bantuan teknikal, penilaian dan lain-lain khidmat nashiat yang diperlukan sebelum projek dimulakan; dan</li><li>• Mobilisasi dan pembersihan tapak.</li></ul>
<b>Bahan-bahan dan pembekal</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kos bahan mentah atau bahan yang digunakan untuk penghasilan produk seni, pemasangan, pembinaan, penghijauan dan penerbitan.</li></ul>
<b>Peralatan dan teknologi</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kos penyewaan mesin, peralatan, perisian komputer, atau sebarang teknologi yang diperlukan untuk kerja penghasilan, pencetakan, pengedaran dan persediaan acara.</li></ul>
<b>Khidmat profesional</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kos yuran pakar, pemudah cara, rakan usaha sama, kurator, ketua projek, jururunding, kontraktor, penyedia perkhidmatan atau sebarang khidmat profesional untuk tugas khusus; dan</li><li>• Kos kegiatan pembangunan keupayaan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pasukan projek atau komuniti.</li></ul>
<b>Aktiviti pemasaran dan promosi</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perbelanjaan promosi dan pengedaran maklumat projek seperti media sosial atau iklan digital, bahan pemasaran, pencetakan katalog, dan pembangunan laman sesawang; dan</li><li>• Perbelanjaan khidmat kreatif seperti jurureka, penyusun iklan, jurugambar, dan juruvideo.</li></ul>

*Catatan: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila hubungi Think City untuk penjelasan lanjut tentang perbelanjaan yang dibenarkan.*



## **10. Apakah perbelanjaan yang tidak disokong oleh dana Program Geran Kreatif KL?**

Perbelanjaan yang tidak disokong oleh Program Geran Kreatif KL adalah seperti berikut:

- Kos yang ditanggung sebelum perjanjian ditandatangani;
- Yuran pendaftaran syarikat atau pelesenan;
- Kos penginapan;
- Kerja baik pulih dan penyelenggaraan yang dilaksanakan di luar tempoh pelaksanaan asal projek;
- Pembelian atau pemerolehan aset fizikal;
- Kos overhed pertubuhan seperti sewa, insurans, bil utiliti, gaji pekerja dan cukai taksiran;
- Denda, penalti, atau yuran guaman;
- Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

## **11. Siapakah yang tidak layak memohon dana Program Geran Kreatif KL?**

Permohonan anda tidak akan dilayan sekiranya:

### **Anda adalah individu/kolektif/organisasi yang:**

- Diisyiharkan muflis atau sedang menjalani proses muflis;
- Terlibat dengan prosedur tindakan, tuntutan, proses atau siasatan undang-undang;
- Menghadapi pertuduhan jenayah atau dinamakan sebagai tertuduh oleh mahkamah;
- Mempunyai laporan capaian berkait program Think City yang masih tertunggak; dan
- Mempunyai reputasi buruk semasa proses penilaian.

### **Anda mencadangkan projek yang:**

- Kurang komponen penglibatan masyarakat;
- Melanggar peruntukan perundangan;
- Mempunyai kandungan yang menghina individu atau kumpulan berdasarkan kaum dan agama, atau yang mencetuskan konflik atau salah faham dalam masyarakat;
- Mengancam keselamatan negara dan keharmonian masyarakat; dan
- Tidak dirancang untuk manfaat orang awam.

## **12. Apakah dokumen yang perlu dikepilkan bersama permohonan anda?**

Pemohon hendaklah menyertakan kertas cadangan yang merangkumi matlamat, proses dan sebarang keperluan teknikal (jika perlu). Pemohon juga perlu menyerahkan dokumen-dokumen berikut (dalam format PDF, jika sesuai):

- Maklumat atau resume pemohon, atau portfolio pertubuhan;
- Pasukan dan peranan setiap ahli pasukan (termasuk rakan usaha sama utama yang akan



terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek);

- Pecahan kewangan (senaraikan semua kos termasuk kos yang dirangka oleh pihak ketiga. Ringkasan pecahan kewangan juga perlu diisi dalam portal permohonan geran);
- Penyata bank tertutup untuk memaparkan bukti alamat surat menyurat;
- Maklumat syarikat/organisasi – Perakuan Pendaftaran dengan Pendaftar Syarikat/Pertubuhan/Perniagaan - Borang 9, 13, 24, 44, 49, M&A
- Lain-lain dokumen sokongan seperti gambar terkini tapak projek, kos pihak ketiga, dokumen kajian dan lain-lain; dan
- Mana-mana dokumen yang berkait dengan Jadual 8.1.

### **13. Bagaimakah cara untuk memohon dana Program Geran Kreatif KL?**

Pemohon boleh menghantar permohonan dan bahan-bahan sokongan di <https://thinkcity.grantplatform.com/>.

Ambil maklum bahawa pemohon wajib menghadiri sesi hari terbuka Program Geran Kreatif KL. Tarikh bagi sesi ini akan dimaklumkan di platform Think City dan Warisan KL.

### **14. Apakah proses seterusnya selepas memohon?**

Semua permohonan akan melalui proses penilaian berikut, tertakluk kepada perubahan atas budi bicara Think City:



## Tarikh Tutup Permohonan

Permohonan dibuka sehingga tarikh tutup. Tiada permohonan akan diterima selepas tarikh tutup.



## Penilaian Dalaman

Think City menilai dan menyaring permohonan yang mematuhi syarat kelayakan dan menghantar semua dokumen berkaitan.



## Penilaian Bebas oleh Ahli Penasihat Teknikal (TAP) Think City

Think City akan memajukan permohonan yang terpilih kepada ahli TAP untuk penilaian dan cadangan. Ahli TAP akan memberikan penilaian dan cadangan mereka kepada Think City.



## Kelulusan oleh Lembaga Pengarah

Think City menyediakan cadangan berdasarkan penilaian ahli TAP dan mengusulkan kepada Lembaga Jawatan Kuasa (BOC). BOC menilai dan meluluskan permohonan yang terpilih.



## Makluman

Permohonan yang berjaya akan menerima Surat Tawaran. Permohonan yang tidak terpilih akan menerima notis tidak terpilih menerusi e-mel dalam tempoh 4 minggu selepas tarikh tutup permohonan.

## 15. Apakah langkah seterusnya selepas permohonan dinilai?

### a. Permohonan yang Terpilih

- i. Permohonan yang terpilih akan menerima e-mel rasmi bersama Surat Tawaran.
- ii. Surat Tawaran akan sah selama 7 hari dari tarikh e-mel makluman dihantar. Sekiranya pemohon tidak menerima tawaran dalam tempoh tersebut, tawaran geran akan ditarik balik.
- iii. Semua penerima geran perlu menyertai Bengkel Penerima Geran bersama Think City untuk mengesahkan terma dan syarat projek geran masing-masing.
- iv. Setelah senarai serahan dan capaian kemajuan dipersetujui oleh penerima geran dan Think City, penerima geran akan menerima Surat Perjanjian yang menyatakan:
  - jumlah geran yang diluluskan dan tujuannya;
  - terma dan rujukan projek; dan
  - skop kerja dan senarai capaian kemajuan yang perlu diserahkan.

### b. Permohonan yang Tidak Terpilih

Pemohon yang tidak terpilih akan menerima e-mel makluman sekiranya permohonan tidak terpilih dalam tempoh makluman yang sama.



c. **Rayuan**

Think City tidak menerima sebarang bentuk rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

**16. Bagaimakah cara pembayaran dana?**

Dana akan disalurkan setelah satu-satu tahap kemajuan projek dipenuhi. Bayaran akan dibuat dalam tempoh 30 hari bekerja setelah laporan capaian kemajuan diluluskan, dan akan dimasukkan ke dalam akaun bank penerima geran yang disahkan (individu atau organisasi).

Peratusan dana dan serahan bagi setiap tahap kemajuan adalah tertakluk kepada perubahan dan kelulusan akhir. Berikut adalah aliran proses:



Segala laporan ini dapat menyediakan maklumat dan metrik hasil kepada Think City untuk memantau kemajuan setiap projek dan memastikan kebertanggungjawaban ke atas dana geran. Maklumat itu juga membantu pihak Think City dalam penyelidikan dan komunikasi, sekaligus menyokong dan membentuk komunikasi impak geran terhadap penerima geran.



**17. Apakah bentuk serahan dan laporan yang perlu disediakan oleh permohonan yang terpilih?**

**a. Sepanjang tempoh projek geran, anda perlu:**

- i. Menyiapkan projek cadangan dalam tempoh yang ditetapkan dalam Surat Perjanjian dan menurut syarat-syarat pelaporan;
- ii. Memastikan komunikasi dengan Think City terjaga dengan memaklumkan tentang kemajuan projek, atau sebarang perubahan dalam skop kerja atau garis masa projek; dan
- iii. Mengakui sokongan Think City dan Warisan KL menerusi mana-mana platform media berkaitan dan mematuhi panduan penjenamaan Think City , seperti memasukkan logo dalam bahan publisiti dan pemasaran berkaitan projek.

**b. Laporan Capaian Kemajuan mesti dihantar pada penghujung tahap kemajuan yang dipersetujui dan Laporan Penutup Projek perlu dihantar pada penghujung projek bersama lampiran berikut:**

- i. Sebuah Borang Penilaian Hasil yang telah lengkap dalam tempoh 14 hari selepas projek siap (templat borak akan diberikan oleh Think City);
- ii. Sebuah penyata kewangan yang menyatakan penggunaan dana geran yang sebenar (templat akan diberikan oleh Think City); dan
- iii. Sebarang bahan sokongan seperti gambar, video, dan/atau hasil sampingan yang diterbitkan sepanjang projek berlangsung.

**c. Nota Tambahan:**

- i. Think City berhak menarik balik permohonan atau kelulusan dalam keadaan berikut:
  - Perubahan skop kerja tanpa makluman awal dan kelulusan Think City;
  - Kegagalan menyiapkan projek seperti yang dicadangkan (tanpa sebab munasabah); dan
  - Pelanggaran terma dan rujukan khusus seperti yang dipersetujui dalam Surat Perjanjian.

**18. Siapakah yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan?**

Sebarang soalan ataupun perbincangan lanjut boleh diajukan kepada Think City melalui mesej WhatsApp di talian +6010 201 8930 atau e-mel kepada downtownkl@thinkcity.com.my.



## Tentang Think City

Think City ialah sebuah organisasi impak bandar yang ditubuhkan pada 2009 untuk mewujudkan lebih banyak tempat yang mampan dan berekuiti bagi kebaikan semua. Pengetahuan, kemahiran dan strategi kami tertumpu kepada bentuk penyelesaian urban, alam semula jadi, komuniti sosial dan ekonomi kebudayaan. Think City merupakan anak syarikat penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, sila layari [thinkcity.com.my](http://thinkcity.com.my).

